

## → SUKAN



**Pandelega akan berganding semula** dengan Mun Yee dalam acara 10m platform seirama.

GP TERJUN KL

# Pandelega sandaran negara

→ Pemenang perak Olimpik Rio 2016 akan bertanding platform 10m individu, seirama

Oleh **Ajitpal Singh**  
ajitpalsingh@nst.com.my

✦ Kuala Lumpur

**P**emenang pingat perak temasya Sukan Olimpik 2016 Rio, Pandelega Rinong fokus untuk mengembalikan prestasinya susulan beberapa siri kecederaan sehingga mengganggu prestasinya sejak awal musim.

Penerjun negara itu akan bertanding dalam acara kegemarannya iaitu 10m platform individu wanita dan seirama (bergandingan dengan Leong Mun Yee) pada Grand Prix (GP) Terjun Kuala Lumpur (KL) di Bukit Jalil, bermula Jumaat ini.

Gandingan Pandelega dan Mun Yee - sebagai pengganti Cheong Jun Hoong yang masih cedera - adalah yang kali pertama sejak mereka memenangi pingat gangsa pada Siri Dunia 2016 di Kazan dan Beijing.

### Musim paling mencabar

"GP (di KL dan Gold Coast) akan menjadi platform buat saya untuk bersedia bagi Sukan Komanwel Gold Coast tahun depan dan Sukan Asia Indonesia," katanya yang sebelum ini mengalami kecederaan bahu kanan ketika Siri Dunia pada April lalu.

"Saya mahu melakukan yang terbaik dalam kedua-dua acara saya sertai dan juga menyaksikan serta mempelajari perkara baru daripada penerjun

China dan negara lain."

Pandelega mengakui yang musim kali ini adalah paling mencabar buatnya susulan kecederaan dialaminya.

"Saya mengalami pelbagai kecederaan dan ia adalah sukar bagi saya. Saya melalui proses pemulihan dengan baik dan kini semakin bagus. Saya juga menunjukkan kemajuan secara perlahan bagi sasaran tahun depan.

"Pada mulanya ada perancangan untuk menaikkan darjah kesukaran saya, tetapi ia terpaksa ditangguhkan kerana tidak mencukupi masa apabila Sukan Komanwel akan berlangsung beberapa bulan saja lagi," katanya yang akan mengekalkan rutin terjunan.